Mingguan Asia 24/4/16

Jejas pengeluaran, kenaikan harga jualan di Selangor

Sehari 800 ayam mati

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 23 APRIL**

LEBIH 800 ayam mati setiap hari di seluruh Selangor ekoran fenomena panas melampau, sekali gus menjejaskan kadar pengeluaran ayam serta meningkatkan kadar kenaikan harga jualan.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor, **Datuk Ishak Mat Arif** berkata, kebanyakan penternak sudah mula mengeluh kerana tidak mampu berbuat apa-apa selain mengalami kerugian akibat hasil ternakan yang mati.

"Ternakan biasanya akan mati dalam tempoh antara lima hingga lapan hari sebelum cukup matang untuk dibekalkan, bayangkan berapa kerugian yang dialami penternak sekiranya 800 ayam mati setiap hari.

"Melalui pengamatan saya, industri penternakan ayam di negara kita tidak pernah mengalami masalah seperti ini dan menjangkakan kadar pengeluaran ayam akan terus merudum sekiranya cuaca masih tidak berubah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek bahawa cuaca panas menyebabkan ayam mengalami stres yang menyebabkan proses tumbesaran terbantut.

Katanya, keadaan itu juga menyebabkan pengeluaran ayam berkurangan antara lima hingga 10 peratus dan bersedia mengimport bekalan ayam sekiranya bekalan ayam dalam negara tidak mencukupi menjelang bulan Ramadan.

Sementara itu, Ishak turut menjelaskan pihaknya akan memikirkan kaedah-kaedah lain yang boleh digunakan oleh penternak untuk melindungi atau mengawal hasil ternakan mereka agar tidak mati.

Dalam perkembangan sama, Ketua Pegawai Eksekutif APC Nature Farm Sdn. Bhd., **Mohd. Afiq Arif** berkata, pihaknya memberhentikan operasi menternak ayam buat sementara waktu sebelum mula menternak semula apabila cuaca kembali normal.

"Pengeluaran ayam dikebanyakkan tempat mengalami masalah kerana cuaca panas akan menyebabkan ternakan mudah terkena penyakit. Masalah ini sukar untuk di kawal dan haiwan ternakan lain turut terkena tempias.

"Ternakan ikan juga mengalami masalah yang sama, saya terpaksa membuat pemindahan ikan ke dalam tangki berlainan bertujuan mengawal suhu air untuk ikan serta mengelakkan ia mati," katanya.

Ayam turut stres akibat cuaca panas

KUALA LUMPUR 21 April - Bukan hanya manusia, malah ayam juga turut terkesan dengan cuaca panas El Nino, demikian menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek**.

Beliau berkata, cuaca panas yang melanda negara kini menyebabkan ayam mengalami stres yang menyebabkan proses pembesarannya terbantut.

"Ini boleh berlaku apabila ada penternak ayam yang masih menggunakan kaedah [illegible] itu [illegible]

> Keadaan cuaca panas akan menyebabkan pengeluaran ayam berkurangan antara lima hingga 10 peratus. Apabila bekalan ayam berkurangan [illegible] bimbang [illegible] mula ak[illegible]

"Untuk menghadapi bulan puasa, semua keperluan telah diatur bermula sekarang kadar penetasan ayam telah ditambah. Jika bekalan masih belum mencukupi, kementerian bersedia mengimport ayam bagi memastikan harganya stabil," katanya.

Sementara itu ketika menjawab soalan lain, beliau berkata, sebanyak 1,700 pam air dan 281 telaga tiub disediakan di kawasan pertanian di negeri yang terkesan akibat fenomena El Nino.

Ka[illegible] langkah itu bagi [illegible]

Keratan *Utusan Malaysia* kelmarin.